

23/06/1997

AS manipulasi hak asasi manusia

TAIPING, Ahad - Tindakan Amerika Syarikat (AS) yang menentang kemasukan Myanmar ke dalam Asean tetapi pada masa yang sama menghalalkan pencerobohan Israel di bumi Arab, jelas menunjukkan kuasa besar itu hanya bertopengkan hak asasi manusia.

Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishamuddin Tun Hussein, berkata selain mengamalkan sikap `pilih bulu' AS juga hipokrit di sebalik topeng perjuangan kemanusiaan yang dilaung-laungkannya.

Menurutnya, beliau selaku Pengerusi Majlis Antarabangsa Pemuda Umno menyokong penuh pendirian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengajak dunia menekan kuasa besar, termasuk AS supaya membetulkan perjuangannya.

"Ketika mewakili delegasi negara di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai hak asasi manusia di Geneva selama enam minggu baru-baru ini, saya dapati sikap `pilih bulu' dan hipokrit AS nampak jelas.

"Mereka cuba menghalang kemasukan Myanmar menyertai Asean kerana kononnya negara terbabit tidak mengamalkan hak asasi manusia.

"Pada masa yang sama, mereka membiarkan Israel merampas tanah dan berlaku kejam terhadap rakyat Palestin," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Bukit Gantang, dekat sini, semalam.

Menurutnya, berdasarkan sikap tidak adil yang diambil oleh AS itu, adalah tidak layak kuasa besar berkenaan `menggelar' dirinya sebagai pejuang hak asasi manusia.

Hishamuddin berkata, keangkuhan AS itu terbukti apabila semua ahli dalam Suruhanjaya Hak Asasi Manusia PBB meluluskan resolusi mengutuk kekejaman Israel baru-baru ini, tetapi kuasa besar itu menentangnya.

"Semua negara, termasuk sekutunya Eropah menegur dan mengkritik Israel, tetapi AS dengan angkuh menentang resolusi berkenaan," katanya.

Beliau berkata, walaupun terpaksa menghadapi pelbagai pahit getir, Malaysia, khususnya ahli Pemuda Umno akan terus berjuang membantu rakyat Palestin.

Katanya, tindakan Israel menjadikan Baitulmuqaddis sebagai ibu kota pendatang haram Yahudi itu juga perlu ditentang.

(END)